



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



PENDIDIKAN TAHFIZ STPM DI MALAYSIA: SATU SOROTAN RINGKAS

TAHFIZ EDUCATION IN MALAYSIA: A BRIEF OVERVIEW

Mohd Yusri Ibrahim^{1*}, Muhammad Rasid², Norazlinda Yaacob³

¹ Pusat Tingkatan 6, SMKA Kerian, Perak, Malaysia

Email: mohyusri@yahoo.com.my

² Pusat Tingkatan 6, SMKA Kerian, Perak, Malaysia

Email: abuuqasyah1@gmail.com

³ SMK Abu Bakar Al Baqir

Email: azlindayaacob@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.03.2024

Revised date: 18.04.2024

Accepted date: 15.05.2024

Published date: 20.06.2024

To cite this document:

Ibrahim, M. Y., Rasid, M., & Yaacob, N. (2024). Pendidikan Tahfiz STPM Di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 6 (16), 01-10.

DOI: 10.35631/IRJSMI.616001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan pembelajaran pendidikan tahfiz di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada subjek Tahfiz dalam program Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Ia menghuraikan sejarah pembelajaran tahfiz di Malaysia dan perkembangan pendidikan tahfiz yang mengintegrasikan ilmu agama dan ilmu kemanusiaan. Pendedahan kepada mata pelajaran Tahfiz STPM memberikan peluang kepada pelajar untuk menyelami ilmu agama Islam secara lebih mendalam di samping pembelajaran akademik konvensional. Selain itu, artikel ini membincangkan kesan positif pendidikan Tahfiz STPM terhadap pelajar dan masyarakat. Pengenalan subjek Tahfiz STPM membolehkan pelajar dapat mengintegrasikan ilmu agama dengan ilmu kemanusiaan, membentuk individu holistik yang cemerlang dari segi akademik dan spiritual. Oleh kerana itu, penulisan ini menumpukan kajian berbentuk kualitatif dengan menekankan tumpuan kajian mengenai sejarah pendidikan Tahfiz STPM di Malaysia dan kesan positif yang daripada hafazan Al-Quran dan pemahaman nilai-nilai Islam dalam pengembangan minda dan spiritual pelajar. Hasil artikel ini dapat memberikan satu pernyataan bahawa pendidikan Tahfiz STPM membawa kesan positif kepada pembentukan generasi yang beriman, berakhlak, dan berilmu dengan ilmu agama dan akademik. Kesimpulannya, pendidikan Tahfiz STPM berperanan penting dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang harmoni dan bermoral di Malaysia.

Kata Kunci:

Tahfiz, STPM, Spritual, Holistik

Abstract:

This article discusses the education of Tahfiz learning in Malaysia, with a focus on the subject of Tahfiz within the Malaysian Higher School Certificate (STPM) program. It outlines the history of Tahfiz education in Malaysia and the development of Tahfiz education models that integrate religious and humanities knowledge. Exposure to Tahfiz subjects in the STPM program provides students with the opportunity to delve deeper into the knowledge of Islam alongside conventional academic learning. Furthermore, the article discusses the positive effects of STPM Tahfiz education on students and society. The introduction of Tahfiz subjects in STPM enables students to integrate religious knowledge with humanities, shaping individuals who are academically and spiritually holistic. Therefore, this article focuses on qualitative research, emphasizing the historical focus on STPM Tahfiz education in Malaysia and the positive effects of Quran memorization and understanding Islamic values in the development of students' minds and spirits. The findings of this paper can provide a statement that STPM Tahfiz education has a positive impact on the formation of a generation that is faithful, moral, and knowledgeable in religious and academic matters. In conclusion, STPM Tahfiz education plays an important role in contributing to the development of a harmonious and moral society in Malaysia.

Keywords:

Tahfiz, STPM, Spiritual, Holistic

Pengenalan

Pendidikan al-Quran merupakan asas dalam pembelajaran agama Islam. Pendidikan al-Quran bermula dengan pendidikan paling asas iaitu dengan mengenal huruf *hijaiyah*, mengeja, membaca dan mempelajari hukum tajwid, serta mengkhatamkan al-Quran. Tahap awal pendidikan al-Quran ini adalah asas utama bagi setiap orang Islam sebelum mereka meneroka tentang disiplin ilmu al-Quran yang lain termasuklah pembelajaran pendidikan tahfiz al-Quran yang juga merupakan salah satu daripada cabang pendidikan al-Quran. Pendidikan tahfiz STPM di Malaysia merupakan satu bidang pendidikan yang khusus dan unik. Ia bertujuan untuk menyelaraskan antara ilmu agama dengan pendidikan formal dalam sistem Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). STPM atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, ialah pengiktirafan akademik di peringkat menengah tinggi di Malaysia. Pendidikan tahfiz dalam konteks STPM menekankan pembelajaran Al-Quran dan ilmu-ilmu agama, seiring dengan mata pelajaran STPM yang konvensional.

Antara aspek penting dalam pendidikan tahfiz STPM adalah penumpuan kepada hafazan Al-Quran. Pelajar tidak hanya diajar tentang tajwid (pengucapan Al-Quran yang betul) tetapi juga diajar untuk menghafal ayat-ayat Al-Quran. Ini memberikan dimensi spiritual kepada pendidikan mereka. Selain itu, program ini juga mencakupi mata pelajaran akademik seperti Pengajian Am, Syariah, Bahasa Arab dan lain-lain yang diwajibkan dalam kurikulum STPM.

Ini membolehkan pelajar mendapatkan pendidikan seimbang yang mencakupi aspek keagamaan dan kehidupan harian.

Keunikan pendidikan tahfiz STPM ialah penggabungan dua ilmu, iaitu ilmu agama dan ilmu kemanusiaan. Ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menjadi individu yang holistik dengan kecekapan dalam kedua-dua bidang. Selain itu, ia juga memupuk nilai-nilai moral dan etika Islam dalam diri pelajar. Secara keseluruhannya, pendidikan tahfiz STPM di Malaysia membawa satu pendekatan holistik yang mengintegrasikan keilmuan agama dan akademik. Ia membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga mempunyai kesedaran agama yang tinggi. Pendekatan ini memberi impak positif kepada perkembangan individu dan masyarakat secara menyeluruh.

Justeru itu, artikel ini membicarakan sorotan ringkas pembelajaran pendidikan tahfiz di Malaysia bermula daripada sejarah ringkas pembelajaran pendidikan tahfiz di Malaysia, pengenalan subjek Tahfiz STPM. Seterusnya, perbincangan berkisarkan sorotan ringkas pembelajaran pendidikan Tahfiz STPM dan kesan positif daripadanya dalam persekitaran pendidikan di Malaysia.

Sejarah Ringkas Pembelajaran Tahfiz di Malaysia

Pembelajaran tahfiz di Malaysia mempunyai sejarah yang tersendiri dan bermula sebagai satu usaha masyarakat Islam untuk memastikan pemeliharaan dan penyebaran ilmu Al-Quran. Berpanduan kepada nilai keagamaan dan kebudayaan, sekolah-sekolah tahfiz telah muncul sebagai pusat pembelajaran khusus untuk menghasilkan *hafiz* dan *hafizah* Al-Quran. Seiring dengan perkembangan masyarakat Islam di Malaysia, permintaan untuk pendidikan tahfiz semakin meningkat. Pada awalnya, sekolah tahfiz dijalankan di rumah-rumah individu atau di masjid. Namun, dengan pertumbuhan dan permintaan yang meningkat, institusi-institusi tahfiz yang lebih formal dan berstruktur telah dibangunkan.

Sekitar tahun 1980-an dan 1990-an, kerajaan Malaysia memberi penekanan yang lebih besar kepada pembangunan pendidikan Islam, termasuklah pembelajaran tahfiz. Penubuhan pusat-pusat tahfiz yang dibiayai oleh kerajaan, membuktikan sokongan terhadap pengembangan ilmu agama dalam kalangan generasi muda. Pada masa yang sama, pengiktirafan terhadap tahfiz juga diperkukuhkan. Sistem pengiktirafan dan pensijilan yang lebih formal telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti dan kredibiliti tahfiz di Malaysia. Ini memberi keyakinan kepada ibu bapa dan masyarakat tentang standard pendidikan yang diterima oleh pelajar tahfiz.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan globalisasi, pendidikan tahfiz turut mengalami transformasi. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran menjadi satu elemen yang semakin diterima dan diperkukuhkan. Pada keseluruhannya, sejarah pembelajaran tahfiz di Malaysia mencerminkan evolusi pendidikan Islam dalam masyarakat.

Dengan sokongan dari pelbagai pihak, tahfiz terus berkembang sebagai institusi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam memelihara dan menyebarkan ilmu Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Pembangunan pendidikan tahfiz secara formal telah digerakkan oleh pihak kerajaan Persekutuan Malaysia bermula dari tahun 1966. Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan

Kelas Menghafaz al-Quran dan Ilmu *Qira'at* di Masjid Negara. Penubuhan kelas ini adalah berdasarkan saranan daripada Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Saranan beliau telah dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara yang turut dihadiri oleh Sheikh Mahmud Syaltut. Selain itu, penubuhan Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran adalah berikutan daripada penganjuran Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang telah diadakan semenjak tahun 1960. Program ini telah mendapat sokongan daripada semua pihak yang ketika itu berusaha untuk mempertingkatkan mutu bacaan al-Quran mereka. (Wan Muhammad, 1997; JAKIM, 2003).

Pada peringkat permulaan, seramai 8 orang pelajar menjadi perintis kepada kelas pengajian menghafaz al-Quran dan Ilmu *Qira'at* yang dipimpin oleh Ustaz Mohd Nor Hj. Ibrahim, mufti negeri Kelantan ketika itu. Antara pelajar yang terlibat ialah Abu Hassan bin Lebai Din, Syekh Ismail bin Mohamad, dan Salehuddin bin Omar (JAKIM, 2003). Dari tahun 1966 hingga tahun 1978, pengajian tahfiz ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan kemudiannya telah dinaiktaraf oleh kerajaan Persekutuan menjadi Unit Pengajian Menghafaz al-Quran, Masjid Negara. Pada tahun 1984, fungsi Unit Pengajian Menghafaz al-Quran telah diperluas dengan menjadi salah satu jabatan di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. yang dikenali sebagai *Ma'had Tahfiz al-Quran wal Qiraat* (MTQ). (Nordin Ahmad, 2015).

Objektif penubuhan MTQ terbahagi kepada dua iaitu; MTQ berperanan menghasilkan para qari yang mahir menghafaz al-Quran juga mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam ilmu-ilmu al-Quran bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia dan berperanan dalam menggalakkan pendidikan tahfiz dan ilmu-ilmu al-Quran kepada masyarakat (JAKIM, 2003). Walaupun, MTQ belum mempunyai lokasi tetap ketika itu. MTQ beroperasi di beberapa lokasi seperti rumah-rumah kerajaan lama (di sekitar Jalan Chenderasari, Jalan Ledang, dan Lembah Kelang), Kompleks Pusat Islam Jalan Perdana, dan bangunan yang disewa di pinggir Taman Tun Dr. Ismail dan Hulu Langat (JAKIM, 2003).

MTQ terus menunjukkan perkembangan yang positif dan memberangsangkan dalam menghasilkan graduan di peringkat diploma. Selari dengan penghasilan graduan Diploma Tahfiz al-Quran BAHEIS yang mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), nama MTQ telah ditukar ke Institut Pengajian Tahfiz al-Quran wal Qiraat (IPTQ) (JAKIM, 2003). Pada tahun 1997, diberi penjenamaan semula yang dikenali sebagai Darul Quran (DQ). DQ beroperasi di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM, 2003) dengan kampus tetapnya terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor

Perkembangan Pendidikan Tahfiz di Malaysia

Pendidikan tahfiz moden diperkenalkan sebagai alternatif kepada sistem pendidikan sekular dan pendidikan Islam kontemporari di Malaysia. Pengenalan pendidikan Tahfiz ini bertujuan untuk memberi keseimbangan ilmu kepada pelajar yang bukan sahaja memahami ilmu agama, akademik atau sains tetapi dalam masa yang sama dapat menguasai hafazan al-Quran. Justeru, diharapkan melalui pendidikan tahfiz ini dapat melahirkan pelajar yang boleh menguasai kepelbagaian disiplin ilmu sama ada berbentuk *duniawi* dan *ukhrawi*.

Seiring dengan usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz, terdapat usaha untuk menetapkan kurikulum standard yang mencakup aspek hafazan Al-Quran, tajwid, dan

pemahaman teks-teks agama. Standardisasi ini membantu memastikan konsistensi dalam penyampaian kurikulum di seluruh institusi tahfiz. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz semakin berkembang. Pengenalan aplikasi dan peranti pintar membantu memudahkan proses hafazan dan membolehkan pelajar mengakses bahan pengajaran dengan lebih mudah. (Hussain, A., & Ismail, M. N., 2020).

Usaha telah dilakukan untuk meningkatkan pengiktirafan formal terhadap kelayakan tahfiz. Pengenalan pensijilan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa pendidikan negara memberikan kredibiliti kepada institusi tahfiz dan memudahkan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Beberapa institusi tahfiz telah mengambil langkah untuk meningkatkan fasiliti dan infrastruktur pendidikan mereka. Ini termasuklah pembinaan bangunan yang lebih baik, bilik pengajar yang kondusif, dan kemudahan-kemudahan lain yang menyokong proses pembelajaran. (Hussain, A., & Ismail, M. N., 2020).

Kerjasama antara institusi tahfiz, masyarakat setempat, dan pihak berkuasa pendidikan semakin diperkukuh. Ini melibatkan penyelenggaraan program-program keagamaan, bimbingan keluarga, dan kerjasama dengan lembaga-lembaga agama di peringkat tempatan. Pusat-pusat tahfiz semakin memberi penekanan kepada latihan dan peningkatan kualiti guru tahfiz. Ini melibatkan pelbagai kursus dan bengkel yang membantu meningkatkan kemahiran pengajaran dan pengurusan dalam konteks pendidikan tahfiz. (Nordin Ahmad, 2018). Perkembangan model pendidikan tahfiz ini mencerminkan usaha untuk menjadikan pendidikan agama Islam lebih relevan, holistik, dan sesuai dengan keperluan masyarakat moden. Dengan terus memperbaiki dan memperbaharui pendekatan mereka, institusi tahfiz di Malaysia dapat terus memberi sumbangan kepada pembentukan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia. (Kamaruddin A, Said, 2007)

Model Pendidikan Tahfiz moden ini mengintegrasikan hafazan al-Quran bersama-sama ilmu agama atau akademik (kemanusiaan atau sains tulen) bermula di peringkat menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Dua model yang menjadi rujukan utama pendidikan tahfiz di peringkat sekolah menengah iaitu berdasarkan kurikulum yang diguna pakai oleh kebanyakan institusi tahfiz kerajaan dan swasta negara. Pertamanya adalah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang memberi tumpuan kepada sekolah menengah bantuan penuh kerajaan iaitu Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Imtiyaz Trengganu. Kedua adalah model Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang bertumpu kepada Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kedua model ini mensasarkan pelajar akan tamat menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun pengajian mereka di peringkat SPM. Justeru, di peringkat lepasan menengah pula diperkenalkan subjek tahfiz STPM sebagai kesinambungan di peringkat SPM sebagai satu alternatif kepada pelajar yang berminat untuk menyambung pembelajaran dalam bidang tahfiz. Para pelajar akan mengulang kembali pembelajaran mereka semasa di tingkatan 4 dan 5 juga semasa berada di tingkatan 6. (Hussain, A., & Ismail, M. N., 2020)

Sementara, di peringkat pengajian tinggi pula, model yang digunakan sebagai kurikulum pengajian adalah model kurikulum Darul Quran (DQ), JAKIM. Model ini hanya akan mengeluarkan sijil tahfiz kepada semua pusat pengajian tinggi yang berkerjasama dengan Darul Quran JAKIM. Justeru, pelajar yang terlibat akan mendapat dua kelayakan akademik iaitu ijazah dari universiti masing-masing bersama dengan Sijil Tahfiz Malaysia Darul Quran,

JAKIM. Antara pusat pengajian tinggi yang terlibat adalah seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, UniKL, Universiti Islam Antarabangsa, UITM dan Universiti Cyberjaya. (Nordin Ahmad, 2018)

Berikutan itu, lulusan Diploma al-Quran wal Qiraat Darul Quran JAKIM pula diterima masuk ke institusi pengajian dalam dan luar negara seperti Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia dan Universiti Al-Azhar, Mesir (Nordin Ahmad, 2018)

Semua model yang ditawarkan oleh institusi tahfiz di Malaysia bergerak selari dengan model pendidikan sedia ada dalam arus perdana pendidikan negara. Ia menawarkan dua bentuk persijilan iaitu peringkat sijil dan peringkat diploma. Dalam hal ini pihak kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengiktiraf lapan persijilan yang dikeluarkan oleh Darul Quran JAKIM yang membolehkan lulusan tahfiz dapat menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi atau bekerja dengan pihak kerajaan. (Nordin Ahmad, 2018).

Perkembangan Pembelajaran Subjek Tahfiz STPM di Malaysia

Sejajar dengan keupayaan DQ dalam melahirkan para huffaz yang berjaya begitu juga SMKA yang telah melahirkan ramai pelajar tahfiz yang dapat berdaya saing dalam SPM. Subjek tahfiz telah diperkenalkan menerusi STPM. STPM ialah satu peperiksaan berpusat yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) sejak 1 Februari, 1980 dengan menawarkan pelbagai subjek. MPM mula menawarkan mata pelajaran Tahfiz al-Quran khusus kepada para pelajar yang menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bermula tahun 2019. Penawaran mata pelajaran tahfiz ini bertujuan untuk menyediakan *platform* kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menduduki Kurikulum Tahfiz Bersepadu supaya dapat meneruskan mata pelajaran berkenaan di peringkat STPM. (Hussain, A., & Ismail, M. N., 2020)

Penawaran subjek Tahfiz al-Quran STPM bermula pada September 2019 dan peperiksaan pertama bagi semester satu telah diadakan pada November tahun 2019 dan para pelajar akan mempelajari enam subjek berkaitan al-Quran antaranya *Maharat Rasm* (kemahiran Resam al-Quran) serta 10 bacaan Imam *Qira'at*. Mata pelajaran ini diperkenalkan sebagai salah satu bentuk penambahbaikan yang dilaksanakan oleh MPM bagi membolehkan pelajar terus mendalami kurikulum berkaitan Tahfiz al-Quran selepas SPM. Antara sekolah awal yang menawarkan subjek tahfiz STPM ialah SMKA Kerian di Perak, SMKA Tok Bachok, Kelantan dan SMKA Kedah di Kedah (Mohd Yusri Ibrahim & Norazlinda Yaacob, 2019)

Pada tahun-tahun terkini, terdapat perkembangan yang signifikan dalam pembelajaran subjek tahfiz di dalam program STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia). Ini melibatkan integrasi mata pelajaran tahfiz ke dalam kurikulum STPM untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk mendalami ilmu agama Islam secara lebih mendalam selari dengan pembelajaran akademik konvensional. Beberapa perkembangan dalam pembelajaran subjek tahfiz STPM termasuk subjek tahfiz di dalam program STPM mendapat pengiktirafan rasmi dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini memberikan legitimasi kepada mata pelajaran ini dan mengiktiraf kepentingannya dalam menyumbang kepada pembentukan individu yang beriman dan berakhlak. Kurikulum tahfiz di dalam program STPM direka khusus untuk memastikan

penekanan pada aspek hafazan dan pemahaman Al-Quran. Pelajar tidak hanya diajar untuk menghafal ayat-ayat Al-Quran dengan baik, tetapi juga untuk memahami maknanya dengan lebih mendalam. (Hussain, A., & Ismail, M. N., 2020).

Terdapat usaha untuk mengintegrasikan pengajaran tahfiz dengan mata pelajaran STPM yang lain. Ini membolehkan pelajar untuk mendapatkan pengalaman pendidikan yang seimbang, merangkumi ilmu agama dan ilmu kemanusiaan. Pelajar STPM diberi peluang untuk memilih subjek tahfiz sebagai salah satu pilihan mereka. Ini memberikan kebebasan kepada pelajar untuk menyesuaikan pengalaman pendidikan mereka mengikut minat dan keperluan mereka. (Mohd Yusof, A. F., & Che Ibrahim, N., 2022).

Selain dari aspek hafazan, kurikulum tahfiz STPM juga menekankan pemahaman terhadap teks-teks agama dan konsep-konsep keagamaan. Ini bertujuan untuk membentuk pelajar yang tidak hanya menghafal, tetapi juga memahami dan menghayati ajaran Islam. Model pembelajaran aktif dan interaktif diperkenalkan untuk subjek tahfiz STPM. Ini melibatkan perbincangan, kajian kes, dan aktiviti-aktiviti yang membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu yang mereka peroleh dalam kehidupan sehari-hari. (Mohd Yusof, A. F., & Che Ibrahim, N., 2022).


Melalui perkembangan ini, pembelajaran subjek tahfiz dalam program STPM menjadi lebih terancang dan relevan dengan keperluan pelajar dan masyarakat. Hal ini membantu menyediakan generasi pelajar yang mempunyai asas keilmuan agama yang kukuh sejajar dengan kemahiran akademik yang diperoleh melalui program STPM.

Kesan Positif Pendidikan Tahfiz STPM di Malaysia

Pengenalan kepada subjek Tahfiz STPM bukan sahaja boleh meningkatkan jumlah kemasukan pelajar-pelajar lulusan sijil tahfiz ke universiti awam atau swasta di Malaysia, tetapi ia juga boleh mewujudkan budaya memasyarakatkan al-Quran kepada pelajar dan masyarakat. Langkah ini juga adalah salah satu usaha untuk memasyarakatkan ilmu al-Quran kepada para pelajar sendiri yang kemudiannya berguna kepada mereka dalam penerusan dakwah Islam dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Selain itu melalui pengenalan subjek tahfiz STPM ini membolehkan para pelajar menyambung pelajaran dalam pelbagai bidang di universiti tempatan atau luar negeri kerana mereka juga turut mengambil subjek akademik yang lain seperti pengajian am, syariah, Bahasa Arab, dan MUET (Malaysian University English Test). Situasi ini memberikan mereka nilai tambah dalam menyediakan peluang dalam menuntut ilmu *duniawi* dan *ukhrawwi*. (Nordin Ahmad, 2018).

Prinsip *karamah insaniah* dapat diterapkan melalui subjek tahfiz STPM ini kerana para pelajar diajar untuk memulakan kelas di awal pagi dengan hafazan al-Quran. Justeru itu prinsip-prinsip yang ideal dalam al-Quran yang dihafal dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian seperti bangun di awal pagi, budaya hormatkan guru juga menepati masa sepanjang sesi pembelajaran di sekolah. Budaya baik yang diterapkan dalam pengajaran tahfiz ini dapat memberikan nilai akhlak yang baik dalam kehidupan seharian mereka sama ada di sekolah atau selepas alam persekolahan. (Che Ibrahim, N., & Abdul Aziz, N., 2021).



Jadual 1: Kesan Positif Pendidikan Tahfiz STPM di Malaysia

Pendidikan Tahfiz STPM membolehkan pelajar mengintegrasikan ilmu agama dengan ilmu sains secara seimbang. Ini membentuk individu yang tidak hanya cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga memahami dan mengamalkan ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian. Pendidikan Tahfiz STPM tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek hafazan, tetapi juga pemahaman dan pengamalan nilai-nilai moral Islam. Ini membantu membentuk karakter pelajar dengan nilai-nilai seperti disiplin, ketekunan, kesabaran, dan keikhlasan. (Che Ibrahim, N., & Abdul Aziz, N., 2021).

Fokus pada hafazan Al-Quran dan pemahaman ilmu agama dalam program Tahfiz STPM memberikan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan dimensi spiritual mereka. Ini membantu mereka memperkuat hubungan dengan Allah dan menghayati nilai-nilai keagamaan. Walaupun Pendidikan Tahfiz STPM memberi penekanan kepada kemahiran hafazan Al-Quran. Pelajar tidak hanya diajar untuk menghafal ayat-ayat, tetapi juga untuk membaca dengan tajwid yang betul dan memahami maknanya. Ini memberikan mereka kecekapan dalam bacaan Al-Quran. (Mohd Shariff, S., & Ali, Z., 2018).

Dengan mengiktiraf subjek Tahfiz dalam program STPM, kualiti pendidikan agama semakin meningkat. Ini memastikan bahawa ilmu agama dapat disampaikan dengan cara yang sistematik dan berstruktur. Justeru, pendidikan Tahfiz STPM dapat memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat. Mereka boleh menjadi pemimpin yang berkepakaran dalam bidang agama dan akademik, memberikan khidmat kepada masyarakat dan memainkan peranan dalam pembangunan komuniti. (Mohd Shariff, S., & Ali, Z., 2018).

Pendidikan Tahfiz STPM membantu memelihara warisan keagamaan dan tradisi hafazan Al-Quran. Ini penting dalam memastikan kesinambungan dan penyampaian ilmu agama dari generasi ke generasi. Dengan kesan positif ini, pendidikan Tahfiz STPM memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembentukan individu yang seimbang dari segi spiritual, moral, dan intelektual. Hal ini dapat membantu masyarakat menjadi lebih harmoni dan bermoral di Malaysia. (Mohd Shariff, S., & Ali, Z., 2018)

Kesimpulan

Pendidikan tahfiz di Malaysia telah mengalami pelbagai inovasi dalam sistem pembelajaran berbanding kaedah tradisional. Perkembangan ini amat baik dalam menyediakan generasi baharu yang bersifat dinamik kepada perubahan zaman dan tempat. Namun begitu pelbagai pendekatan perlu diambil oleh pihak pemerintah untuk memantapkan lagi perlaksanaannya terutamanya di peringkat aliran pendidikan lepasan menengah seperti STPM.

Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) perlu mewajibkan setiap sekolah di negara ini untuk menawarkan subjek Tahfiz al-Quran termasuk sekolah harian biasa dan tidak semestinya tertumpu kepada para pelajar yang menduduki peperiksaan SPM atau STPM sahaja. Hal ini kerana ia lebih memudahkan para guru untuk melatih pelajar-pelajar seawal usia tujuh tahun agar lebih mahir dalam teknik hafazan dan apabila mereka sudah meningkat usia remaja, mereka sudah menguasai sembilan puluh peratus dari sukatan mata pelajaran tersebut.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi galakan dan dorongan serta kerjasama dalam menyiapkan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Samad Sharim (1940). *Tarikhul Quran*. Karachi: t.p.
- Abdullah Ishak (1990). *Islam di Nusantara (Khusus di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah
- Abdullah Mulhim (2009). *Haqqiq Hilmuka fi Hifzil Quranil Kareem*. Kuwait: Ibda'al Fikri.
- Ahmad Jelani Halimi (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ahmad Mohd Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & J-Qaf*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Che Ibrahim, N., & Abdul Aziz, N. (2021). Kontribusi pelajar Tahfiz STPM dalam pembangunan komuniti: satu kajian kes di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral*, 7(2), 78-91.
- Hussain, A., & Ismail, M. N. (2020). Integration of Tahfiz al-Quran in STPM: A step towards holistic education in Malaysia. *Journal of Islamic Education Research*, 4(2), 79-94.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2003). *Sambutan 35 Tahun JAKIM: Penjana Umat Bertaqwa dan Progresif*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)(2003). *Tahfiz Al-Quran di Malaysia: Perkembangan dan Cabaran*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamaruddin A. Said (2007). *500 Tahun Melayu Menghadapi Cabaran*. Selangor: Kris Publication.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010). *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Bangi: UKM
- Mohd Hairudin dan Kamarul Azmi (2012). *Sekolah Agama Di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mohd Yusof Ahmad (2015). *Institut Pendidikan al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shariff, S., & Ali, Z. (2018). Implikasi program Tahfiz STPM terhadap pembangunan masyarakat berilmu dan berakhlak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 45-57.
- Mohd Yusri Ibrahim & Norazlinda Yaacob (2019) *Jom Sambung Belajar (Tingkatan 6 Agama Dan Tahfiz)* Melaka: Syfe Management Sdn Bhd.
- Mohd Yusri Ibrahim, Norazlinda Yaacob, Aufa Rashada Mohd Yusri, Muhammad Amir Roslee& Amisha Nur Najwa Omar (2024) *Mana Menarik? Tingkatan 6 Agama& Tahfiz Vs Asasi IPTA*. Melaka: Syfe Management Sdn Bhd.
- Mohd Yusof, A. F., & Che Ibrahim, N. (2022). Enhancing religious education: The integration of Tahfiz al-Quran in STPM curriculum. *Journal of Islamic Studies and Education*, 6(1), 34-47.
- Nordin Ahmad. (2015). *Sejarah Pengajian Tahfiz di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Ahmad (2015). Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. *Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara*, 1-3 Jun 2015.
- Nordin Ahmad. (2018). *Pendidikan Tahfiz: Cabaran dan Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Muhammad A. Aziz (1997). Pengurusan Ma'had Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran JAKIM. *Jurnal Darul Quran*, Bil. 3, Jun 1997